

KONSEP PELANTIKAN PEMIMPIN DARI SUDUT PERSPEKTIF FIQH SIYĀSAH: ANALISIS TERHADAP TEORI-TEORI PEMIKIRAN POLITIK ISLAM

MOHD RIDZUAN BIN MOHAMAD, BASRI BIN IBRAHIM

Kata kunci: al-ḥall wa al-‘Aqd , Fiqh Siyāsah, Mushāwarah, Pemikiran Politik Islam dan Perlantikan Pemimpin

Keywords: al-ḥall wa al-‘Aqd, Fiqh Siyāsah, Mushāwarah, Islamic Political Thought and Leader Appointment

Abstrak. Sejak kewafatan Rasulullah s.a.w. persoalan ketatanegaraan Islam menjadi perdebatan hangat dalam kalangan para sarjana Islam antaranya perlantikan pemimpin. Justeru, sejarah Islam telah membuktikan bahawa terdapat pelbagai konsep perlantikan pemimpin sehingga tidak dinyatakan konsep terbaik untuk diamalkan pada masa kini. Objektif kajian ini menjelaskan kedudukan teori-teori para sarjana Islam berhubung perlantikan pemimpin dari perspektif fiqh siyāsah. Kajian ini bersifat kajian kualitatif kerana melibatkan penelitian perpustakaan terhadap buku-buku politik dan sejarah Islam. Dapatan kajian ini menjelaskan terdapat tujuh bentuk pelantikan pemimpin dalam konteks fiqh siyāsah berasaskan tiga teori pemikiran Islam iaitu pertama pemikiran Islam pada abad 7 hingga 13 Masihi, kedua pemikiran Islam pada abad 14 hingga 18 Masihi dan ketiga pemikiran Islam pada abad 19 hingga sekarang. Kesimpulannya, teori-teori ini menunjukkan perlantikan pemimpin merupakan perkara ijtihad. Jika dibandingkan konsep pelantikan pemimpin pada masa sekarang ini, ianya tidak berlawanan dengan nilai-nilai keislaman menurut fiqh siyāsah.

Abstract. Since the death of the Prophet Muhammad (peace be upon him), the question of Islamic Governance has become a hot debate among Islamic scholars, among others the appointment of leaders. Hence, the Islamic history has proven that there are various concepts of leadership appointments that make it possible to pinpoint the best one, especially for today’s state of affairs. The objective of this study was to explain the position of the theories of Islamic scholars on the appointment of leaders from the perspective of Fiqh Siyāsah. This study was qualitative because it involved library researches on political books and Islamic history. The findings showed that there were seven forms of leadership appointments in the context of Fiqh Siyāsah, based on three theories of Islamic thought. The first was Islamic thought in the 7th to 13th AD, second was Islamic thought in the 14th and 18th centuries of Islam and the third was Islamic thought of the 19th century until present day. In conclusion, these theories showed that the appointment of leaders was a matter of ijtihad. As compared to the today’s concept of the appointment of leaders, it is not contrary to Islamic values according to Fiqh Siyāsah.

Pendahuluan

Pemikiran politik Islam berkembang bermula daripada satu peristiwa penting dalam kehidupan umat Islam iaitu hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah. Di sana terdapat asas-asas pentadbiran negara berhubung persoalan dalaman, luaran, perbezaan agama, bangsa dan sebagainya. Pentadbiran tersebut berdasarkan perlembagaan ketika itu iaitu ‘*Ṣaḥīfah Madīnah*’ atau Piagam Madinah yang merupakan lambang kestabilan politik dan ketatanegaraan Islam (M.Dhiauddin Rais 2001: 35).

Setelah kewafatan Rasulullah s.a.w., berlaku peristiwa penting dalam sejarah Islam iaitu perbezaan pendapat antara kabilah Ansār dengan Muhājirīn mengenai pelantikan khalifah di Thaqīfah Banī Sā’idah. Peristiwa ini membuktikan persoalan ketatanegaraan adalah penting dalam Islam. Walau bagaimanapun proses politik Islam berhubung pemilihan khalifah pada awal Islam adalah melalui pelbagai bentuk pelantikan seperti perlantikan Abū Bakar menerusi kaedah keputusan mushāwarah antara kelompok Muhājirīn dan Ansār. Pelantikan `Umar berlaku secara terus daripada Abu Bakar (tazkiyyah li ahad mu’iyyin). Pelantikan `Uthman pula dibuat berdasarkan persetujuan majoriti 6 orang sahabat yang dilantik oleh `Umar yang disebut tazkiyyah bayna majmu’ah (al-Suyūṭī 2005: 5). Peristiwa-peristiwa penting yang terjadi pada masa tersebut membuktikan wujud para pemikir politik Islam yang membicara soal ketatanegaraan dengan pelbagai teori yang ditemui.

Dalam kaitan ini, sejarah pemikiran politik Islam terbahagi kepada tiga fasa, iaitu fasa pertama, fasa pertengahan dan fasa kontemporari. Fasa pertama bermula pada abad ke 7 M sehingga abad ke 13 M. Fasa pertengahan bermula pada abad ke 14 M sehingga abad ke 19 M (masa kejatuhan `Abbāsiyyah sehingga muncul zaman kolonialisme) dan fasa kontemporari bermula dari abad ke 19 sehingga sekarang (zaman kolonialisme) (Mun’im A.Sirry 1995: 33). Justeru setiap perkembangan sejarah melahirkan pelbagai teori pelantikan pemimpin dan didapati sebanyak tujuh teori perlantikan pemimpin dalam konteks fiqh siyāsah.

Objektif kajian ini menjelaskan perbezaan perlantikan pemimpin menurut fiqh siyāsah dan mendapati tujuh teori perlantikan yang berbeza antara satu sama lain. Penjelasan mengenai tujuh perlantikan pemimpin menurut fiqh siyāsah masih belum ditemui dari mana-mana penulisan. Namun terdapat beberapa buah penulisan yang menjelaskan perkara ini tetapi hanya membahs dua atau tiga perlantikan sahaja seperti karya Abū A`lā Al-Maudūdī iaitu ‘khilafah dan kerajaan’ (2001), Alī al-Salūs iaitu ‘Imamah dan khilafah’ (1997) dan Wahbah Al-Zuhaily iaitu ‘Fiqh Islām wa Adillah’ (2008). Penulisan ini berbentuk kualitatif iaitu melibatkan kajian perpustakaan.

Kaedah Pelantikan Pemimpin dalam Konteks Fiqh Siyāsah

Dalam sejarah Islam, penlantikan pemimpin negara berlaku dalam beberapa bentuk. Pertama: Kaedah perlantikan daripada Allah s.w.t. Kaedah ini hanya terjadi pada permulaan Islam iaitu perlantikan Rasulullah s.a.w. sebagai ketua agama di Mekah. Setelah hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah, baginda juga adalah sebagai ketua negara yang pertama (Abū A`lā Al-Maudūdī 2001: 22).

Kedua: Kaedah pelantikan daripada Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w sebagaimana menurut pandangan aliran Syiah Ithnā ‘Asyariyyah (Syiah Imam Dua Belas) yang tertumpu kepada perlantikan Alī. Perkara ini telah dikemukakan oleh Imam Khumainī dan Musa al-Ṣadār. Kedua-dua tokoh ini menyatakan Alī telah mendapat wasiat untuk menggantikan kepimpinan Negara selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. tetapi dirampas oleh tiga sahabat yang lain iaitu Abu Bakar, `Umar dan Uthman (Alī al-Salūs 1997: 38).

Ketiga: Kaedah pelantikan melalui keputusan pemesyuaratan al-ḥall wa al-‘Aqd. Menurut al-Māwardī al-ḥall wa al-‘Aqd ialah mereka yang tergolong dalam kalangan para ulama, pemimpin-pemimpin, dan juga tokoh-tokoh rakyat. Manakala menurut sesetengah ulama ahli al-ḥall wa al-‘Aqd ialah pemimpin yang ada pada masa sekarang ini iaitu termasuk para ulama, jeneral, bangsawan, menteri, doktor, guru dan sebagainya (al-Māwardī 2006 : 21).

Keempat: Kaedah pelantikan melalui wasiat sebagaimana yang terjadi dalam pelantikan `Umar sebagai khalīfah yang kedua. Wasiat ini telah dilaksanakan oleh Abū Bakar dengan dipersetujui oleh para sahabat yang lain. Oleh yang demikian, apa yang dilakukan oleh Abū Bakar terhadap `Umar bukan merupakan pelantikan berdasarkan keturunan (Masykur Hakim 2002: 35).

Kelima: Kaedah penunjukan ‘Wilāyatul `ahdi’ iaitu pelantikan yang telah ditentukan oleh Imamah bagi pengantinya dan dibenarkan jika perlantikan ini memenuhi syarat sebagai khalifah. Pelantikan ini terjadi kepada Abu Bakar dan `Umar (Wahbah Al-Zuhaily 2001: 542).

Keenam: Kaedah pelantikan secara revolusi sebagaimana yang terjadi dalam pelantikan Alī. Pelantikan Alī berlaku ketika suasana politik Islam dalam keadaan darurat kerana berlakunya setelah pemberontakan segolongan umat Islam besar-besaran terhadap khilafah yang ketiga iaitu Uthman (Wahbah Al-Zuhaily 2008: 543).

Ketujuh: Kaedah pelantikan wala al-‘ahd melalui keturunan sebagaimana perlantikan Mu`awiyah Bin Abi Sufyan terhadap anaknya sehingga berterusan selepasnya. Pelantikan ini berkembang sehingga meliputi tiga dinasti khilafah Islam iaitu Umayyah, `Abbāsiyyah dan Uthmaniyyah (Khamami Zada 2008: 205).

Analisis Terhadap Teori-Teori Pemikiran Politik Islam

Analisis terhadap teori-teori pemikiran politik Islam melibatkan tiga fasal pemikiran politik Islam iaitu fasal pertama bermula pada abad 7 hingga 13 M, fasal kedua bermula abad ke 14 hingga 18 M dan fasal ketiga bermula pada abad 19 hingga sekarang.

Fasal Pertama (Abad 7 M– 13 M). Pada abad ke 7 M sehingga abad ke 13 M merupakan masa keemasan Islam iaitu bermula zaman Rasulullah s.a.w. melibatkan pentadbiran di semenanjung tanah Arab (Madinah, Mekkah dan Yaman). Selanjutnya diperluaskan lagi pada zaman pemerintahan Abū Bakar sehingga kekuasaan Banī `Umayyah dan `Abbāsiyyah (Antony Black 2001: 96).

Antara elemen yang mempengaruhi dasar pemikiran pada masa ini ialah teori pemikiran Yunani iaitu teori Plato berhubung unsur negara. Walaupun pengaruhnya tidak menunjukkan secara jelas sudut persamaan tetapi secara tidak lansung wujud sedikit titik persamaan dengan teori pemikiran Islam. Seperti Plato, beliau mengemukakan teori terbentuknya sesebuah negara kerana terdapat unsur keperluan manusia secara bersama dan tidak mungkin wujud dengan kekuatan secara bersendirian (H.Rapar 1991: 62).

Kesimpulan, pada zaman permulaan pemikiran politik Islam lebih cenderung kepada mengikut situasi sistem pentadbiran pada waktu tersebut seperti pandangan Ibn `Abī Rab`i dengan karyanya Sulūk al-Mālik Fi Tadbīr al-Mamālik dan juga

al-Ghazālī dengan karyanya Naṣīḥah al-Mulk dan al-Iqtisād fi al-`Itiqād (Khamami Zada 2008 : 32).

Fasal Kedua (Abad 14 M – 19 M). Zaman ini bermula abad ke 14 M sehingga abad ke 19 M. Pada zaman ini lebih menumpukan kepada berakhirnya pemerintahan Abbasiyyah pada tahun 1258 M. Pada masa ini juga berlaku sejarah besar dalam politik Islam iaitu serangan gerakan Mongol dan wujud juga tiga pusat pemerintahan Islam iaitu kerajaan `Uthmāniyyah di Turki, kerajaan Safawī di Parsi dan Mughāl di India (Khamami Zada 2008 : 33).

Jika diperhatikan hasil pemikiran politik Islam ketika ini lebih menumpukan kepada pemulihan semula sistem khilafah ke arah yang lebih baik. Sebagai contoh, Ibn Taymiyyah dilahirkan ketika dunia Islam mengalami integrasi politik tidak stabil iaitu pasca kejatuhan Baghdad. Umat Islam ketika itu memerlukan kepada kekuatan bersatu untuk membentuk sistem pentadbiran yang sempurna sebagai teorinya al-quwwah (kekuatan) dan al-amānah (kejujuran). Manakala pemikiran politik Ibn khaldūn pula sebagaimana terdapat dalam karyanya Muqaddimah bahawa kekuatan negara adalah terbentuk dengan konsep `aṣābiyyah atau solidariti. Dalam kaitan ini juga itu solidariti masyarakat ketika itu berada dalam keadaan lemah disebabkan kesan pasca kejatuhan kerajaan `Abbāsiyyah (Masykur Hakim 2002: 89).

Kesimpulannya dapat dilihat daripada beberapa teori yang dikemukakan oleh para pemikiran politik Islam pada masa tersebut iaitu terpengaruh dengan kesan pasca kejatuhan kerajaan Umayyah dan `Abbāsiyyah. Oleh demikian muncul pelbagai teori tentang perlantikan pemimpin pada masa ini.


Fasal Ketiga (Abad 19 Masihi- Sekarang). Abad ini merupakan zaman kolonialisme yang melanda negara-negara Muslim. Hampir seluruh dunia Islam berada di bawah penjajahan Barat. Dunia Islam tidak mampu bangkit daripada kejatuhan dan dapat dirumuskan bahawa terdapat pula 3 kategori pemikiran Islam pada masa ini (Khamami Zada 2008 : 33).

Pemikiran pertama: Kedudukan agama dan politik adalah satu perkara yang tidak boleh dipisahkan, kerana tugas negara adalah menegakkan agama sehingga negara Islam atau khilafah Islamiah muncul kembali. Pemikiran ini juga disebut sebagai pemikiran integralistik. Pemikiran kedua: Kedudukan agama dan negara merupakan satu perkara timbal balik yang saling berkaitan iaitu agama memerlukan negara untuk menegakkan aturan-aturan syariat sementara negara pula memerlukan agama untuk mendapat kekuasaan. Pemikiran ketiga kedudukan agama dan negara perlu dipisahkan kerana Rasulullah s.a.w. tidak pernah memerintah untuk mendirikan sebuah negara kerana pembentukan negara pada masa permulaan Islam adalah disebabkan faktor semula jadi dari aspek sosiologis.

Jadual 1				
Zaman (Masihi)	Tokoh-Tokoh		Teori	Kesan Pemikiran
Abad ke 7-13	Ibn Abī Rab`ī (833-842 M)	al-Farābī (870-950 M)	Negara kesejahteraan (al-Madīnatul Faṭīlah)	Kestabilan negara
	al-Māwardī (975-1059 M)		Sistem pentadbiran Islam	Kestabilan rakyat
	al-Ghazālī (1058-1111 M)		(al-Aḥkam al-sulṭāniyyah)	Zaman keemasan ilmuwan
Abad ke 14-19	Ibn Taimiyah (1263-1328 M)	Ibn khaldūn (1332-1406 M)	Negara Sosiologis (`Aṣābiyyah)	Pasca kejatuhan (Kerajaan `Abbāsiyyah)
Abad ke 19-sekarang	Alīran A	Muhammad Rasyīd Riḍa (1865-1935)	Negara dan agama bersifat intergralistik (bergabung)	Pasca kejatuhan (kerajaan Uthmaniyyah) dan; Zaman jajahan ideologi Barat
		Hasan bin Ahmad Bin Abdurahman Al-Banna (1906-1949 M)		
		Abū al-A`la al-Maudūdī (1903-1979 M)		
		Sayyid Qutub (1906-1966)		

Zaman (Masihi)	Tokoh-Tokoh	Teori	Kesan Pemikiran
	Alīran B	Muhammad Abduh (1849-1905M) Muhammad Iqbal (1873-1938 M) Fazlur Rahman (1919-1988 M)	Negara dan agama bersifat timbal balik
	Alīran C	`Alī Abdul Razīq (1888-1966) Thaha Husen (1889-1973)	Negara dan agama bersifat sekularisme (berasingan)

Berdasarkan jadual 1 di atas, kedudukan teori pemikiran politik Islam memberi impak kepada pelantikan pemimpin sebagaimana dijelaskan sebelum ini iaitu dengan sebab wujud tujuh kaedah pelantikan pemimpin dalam Islam. Jika digabungkan keterangan pada jadual 1 dengan kaedah perlantikan pemimpin sebagaimana rajah berikut:-



Jadual 1: Teori Pemikiran Politik Islam terhadap Perlantikan Pemimpin

Berdasarkan jadual 1 di atas, menurut Badār al-Din Ibn Jamā`ah (1241-1333 M) iaitu seorang faqīh dalam mazhab Shafi`e dan memegang jawatan sebagai ketua hakim pada masa pemerintahan Mamlūk, beliau bersetuju cara pelantikan pemimpin secara monarki dan juga revolusi (Khamami Zada 2008: 120). Manakala pandangan Abū al-Ala` Al-Maudūdī pula menjelaskan dasar-dasar mushāwarah yang terdapat di dalam al-Qur`an menunjukkan perlantikan pemimpin hendaklah melalui nilai-nilai berkenaan. Justeru itu sistem perwarisan (monarki) adalah tidak bertepatan (Al-Maudūdī 2006 : 22).

Menurut al-Māwardī pula, pelantikan pemimpin mempunyai dua kaedah iaitu dengan cara pelantikan al-*hall* wa al-`Aqd dan penunjukan. al-Māwardī hidup ketika zaman ketatanegaraan monarki tetapi beliau tetap berpandangan bahawa pelantikan menerusi lantikan al-*hall* wa al-`Aqd salah satu mekanisme daripada syariat Islam (al-Māwardī 2006: 21). Menurut al-Baghdādī pula, pelantikan pemimpin masih lagi tiada kesepakatan para ulama, tetapi kebanyakan sarjana politik Islam kontemporari seperti Muhammad Diyā al-Dīn al-Rayis, Taqī al-Dīn al-Nabhānī dan Abdul Rasyid Moten berpendapat pelantikan pemimpin mestilah melalui konsep pelantikan yang bertepatan dengan nilai-nilai mushāwarah. Menurut pendapat Abdul Rasyid Moten pelantikan pemimpin sememangnya berdasarkan nilai-nilai musyawarah sebagaimana nas al-Qur`an surah al-Syura ayat 38 dan surah Al-Imran ayat 159 (Khamami Zada 2008: 120).

Manakala bagi Taqī al-Dīn al-Nabhānī pelantikan pemimpin mestilah melalui umat Islam. Pelantikan dengan cara penurunan kuasa daripada kaum kerabat (monarki) adalah bertentangan dengan nilai-nilai syariat Islam. `Abdul Karim Zaidān pula menyatakan pensyariaan Islam tiada mekanisme secara khusus berhubung pelantikan pemimpin dan ia dilakukan mengikut kesesuaian suatu tempat dan masa bagi sesebuah negara (Khamami Zada 2008: 100).

Bagi kedudukan pilihan raya pula, ia merupakan satu mekanisme pelantikan pada zaman sekarang ini. Sementara kedudukannya dari sudut syariah, termasuk ke dalam perkara ijtihad dan harus untuk diamalkan dalam sesebuah negara Islam sebagaimana menurut pandangan Yusuf al-Qarḍāwī (Yusuf al-Qarḍāwī 2001: 275).

Kesimpulan

Pelantikan pemimpin merupakan perkara penting dalam syariat Islam. Pelaksanaan ini bermula sejak kewafatan Rasulullah s.a.w. sehingga zaman pemerintahan Utmahiyah. Pelbagai teori yang dikemukakan oleh para sarjana Islam dan terdapat tujuh teori pelantikan pemimpin menurut fiqh siyāsah. Sepertimana huraian di atas. Walau bagaimanapun, kaedah pemilihan pemimpin adalah fleksibel yang bertunjangkan fiqh semasa (fiqh wāqī`ī).

Dasar pemikiran para sarjana politik Islam lebih menumpukan kepada skop sejarah, kerana perkembangan setiap sejarah mempengaruhi perbezaan setiap teori pelantikan pemimpin yang dikemukakan. Pembahagian skop sejarah pula tertumpu kepada tiga peringkat iaitu peringkat permulaan, pertengahan dan kontemporari. Sementara dasar pemikiran yang dapat dirumuskan bagi tiga tempoh perjalanan sejarah Islam iaitu peringkat permulaan yang melibatkan pentadbiran Khulafa` Al-Rāsyidūn. Pada peringkat ini juga acuan pemikiran Islam masih menumpukan kepada pelbagai pelantikan pemimpin, kerana empat para sahabat yang dilantik sebagai pemimpin adalah berbeza.

Manakala peringkat pertengahan pula perjalanan sejarah Islam lebih menumpukan kepada sistem khilafah yang sekian lama bertapak dalam dunia Islam. Teori pemikiran lebih dekat dengan perbincangan konsep pelantikan dengan kesesuaian sistem khilafah seperti teori al-*hall* wa al-`Aqd.

Seterusnya peringkat kontemporari iaitu peringkat terakhir pelantikan pemimpin dalam Islam yang melibatkan perbicaraan mengenai sistem pilihan raya. Pada peringkat ini juga sistem pentadbiran khalifah tidak lagi diamalkan di negara-negara Islam dan lebih menumpu kepada teori-teori daripada Barat. Susulan itu, wujud tiga latar belakang dasar pemikiran Islam yang mempunyai pandangan tersendiri terhadap kedudukan hubungan antara agama dan negara. Pertama pemikiran intergralistik (agama adalah sebahagian dari negara), kedua pemikiran moderat (agama saling berhubung dengan negara) dan ketiga pemikiran sekulerisme (agama dan negara terpisah sepenuhnya).

Sejak kejatuhan sistem khilafah pada abad ke 19 M, mekanisme pelantikan pemimpin merupakan suatu perkara ijtihādī. Sebagai contoh pelantikan pemimpin melalui sistem pilihan raya adalah dibenarkan sebagaimana menurut pandangan Yusuf al-Qarḍāwī dalam kitabnya `fiqh al-Dawlah fī Islām`.

Rujukan

Abū `Ala al-Maudūdī. 2001. Khilafah dan Kerajaan, di terjemah oleh: Muhammad al-Baqīr, Editor: M.Amien Rais, Indonesia. ed. 5 Jakarta: Mizan Media Utama (MMU).

Alī Al-Salūs. 1997. Imamah dan Khilafah dalam Tinjauan Syari`, ed.1. Jakarta: Gema Insani Press.

Al-Māwardī, Abi Hassan Alī Bin Muhammad Bin Ḥabib Al-Baṣrī. (2006). *Al-Aḥkām Al-Sulṭāniyyah*, taḥqīq oleh Ahmad Jād, ed.1. Kaherah: Dār Hadīs.

Al-Suyūṭī. 2005. *Tārikh Khulafā’* di terjemah oleh: Samson Rahman, Editor: Sulaiman L.c, Indonesia . ed. 5. Jakarta: Pustaka Al-Kauthar.

Antony Black. 2001. *The History Of Islmaic Pilitical Thought : From The Prophet to The Present*, ed.1. t.tp. Edinburgh Universiti Press.

Al-Zuḥailly, Waḥbah bin Muṣṭafa. 2008. *Fiqh Islām wa Adillah*, jld 6, ed.6. Damshīk: Dār Al-Fikr.

H.Rapar. 1991. *Filsafat Politik Plato*, ed.1. Jakarta: Rajawali Press.

Khamami Zada. 2008. *Fiqh Siyasaḥ Doktrin dan Pemikiran Politik Islam*, ed.1. Jakarta: Penerbitan Erlangga.

Masykur Hakim. 2002. *Pemikiran Politik Islam Modern*, ed.1. Jakarta Timur: Pelita Insani.

M.Dhiauddin Rais. 2001. *Teori Politik Islam*, ed.1. Jakarta: Gema Insani.

Mun’im A.Sirry. 1995. *Sejarah Fiqh Islam*, ed.1. Surabaya Jakarta: Perpustakaan Nasional (KDT).

Taqiyuddin al-Nabhānī. 2009. *Struktur Negara Khilafah*, di terjemah oleh: Yahya A.R, Editor: Sholihin, Indonesia, ed.4. Jakarta: HTI-Press.

Yusuf al-Qarḍāwī. 2001. *Fiqh al-Dawlah fi al-Islām*, di terjemah oleh: Kathur Suhardi, Editor: Abu Ahmad, Malaysia, ed.1. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.